



TEKS UCAPAN PERASMIAN

OLEH

**YBM. TENGGU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI
TIMBALAN MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI**

SEMPENA

PROGRAM KEMPEN KESEDARAN BIODIVERSITI 2019

**ANJURAN BERSAMA KEMENTERIAN AIR, TANAH DAN SUMBER
ASLI DAN UITM KAMPUS RAUB**

**16 NOVEMBER 2019
UITM RAUB, RAUB PAHANG**

Salam Sejahtera

Terima kasih Saudara/ri Pengacara Majlis

Yang Berusaha Profesor Ts. Dr. Mohd Fozi Bin Ali

Timbalan Naib Canselor (Pembangunan), Universiti Teknologi MARA

Yang Berbahagia Dato' Mohd Ridza Awang

Ketua Pengarah Perhutanan

Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia

Yang Berbahagia Datuk Dr Abd Latif Mohmod

Ketua Pengarah

Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM)

Yang Berbahagia Dato' Abdul Kadir Bin Abu Hashim

Ketua Pengarah

Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN),
Semenanjung Malaysia

Yang Berbahagia Dato' Wan Mazlan Wan Mahmood
Setiausaha Bahagian Pengurusan Biodiversiti dan Perhutanan
Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli

Yang Berbahagia Professor Dr Mohd Ilham Bin Adenan
Rektor UiTM Cawangan Pahang

Yang Berhormat Tuan Wong Tack
Ahli Parlimen Bentong

Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri

Ketua- Ketua Jabatan Peringkat Persekutuan Dan Negeri

Pensyarah-Pensyarah Dan Ketua- Ketua Pusat Pengajian

Dif-Dif Jemputan

Wakil-Wakil Media

Mahasiswa Mahasiswi serta para hadirin yang saya hormati sekalian.

Bersyukur kita ke hadrat Ilahi kerana dengan izinNya dapat kita bersama-sama pada pagi ini bagi menjayakan Kempen Kesedaran Biodiversiti anjuran bersama antara Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli dan UiTM Raub. Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada pengurusan UiTM Raub atas kesudian untuk bekerjasama dengan Kementerian untuk melaksanakan program ini pada hari ini. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berbahagia Dato'-Dato', tuan-tuan dan puan-puan serta pelajar-pelajar UiTM Raub sekalian yang dapat hadir bersama-sama bagi memeriahkan lagi program pada pagi ini.

2. Untuk makluman semua, program-program seperti ini adalah selaras dengan aspirasi Kementerian untuk menggalak dan menerapkan semangat cintakan khazanah sumber asli negara khususnya biodiversiti dan hutan. Ia juga adalah bagi memberikan kesedaran mengenai kepentingan hutan dan biodiversiti kepada segenap lapisan masyarakat termasuk pelajar-pelajar institut pengajian tinggi yang merupakan generasi yang akan mewarisi khazanah sumber asli negara ini di masa akan datang.

Yang Berbahagia Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian.

3. Malaysia merupakan antara 12 buah negara yang paling kaya dengan khazanah biodiversiti (*mega-biodiversity*). Hampir 70 peratus spesies yang diketahui di dunia terdapat di Malaysia. Biodiversiti ialah aset semula jadi negara yang sangat berharga dalam mengekalkan persekitaran semula jadi dan sebagai sistem sokongan hayat (*life-support systems*) dalam pelbagai sektor seperti pertanian, perhutanan, perikanan, perubatan dan pelancongan.

4. Biodiversiti termasuk hutan mempunyai kaitan rapat dengan fungsi ekosistem di mana biodiversiti menyumbang kepada perkhidmatan ekosistem seperti penampunan bencana alam, bekalan air bersih, habitat hidupan liar, pendebungaan dan kawalan perosak serta manfaat bukan-material seperti pengayaan rohani, perkembangan intelek, rekreasi dan nilai-nilai estetik.

5. Selain daripada menjadi habitat penting flora dan fauna, hutan juga berperanan penting dalam menyumbang kepada pembangunan negara dan pertumbuhan ekonomi khususnya kepada masyarakat yang bergantung hidup secara langsung dengan sumber hutan. Oleh yang demikian, hutan perlu dipelihara dan dipulihara terutamanya bagi meningkatkan ketahanan ekosistem yang semakin terancam serta membantu dalam mengurangkan fenomena perubahan iklim. Daripada perkara-perkara yang saya sebutkan tadi, dapat kita lihat perkaitan penting antara biodiversiti dan hutan dengan kesejahteraan dan kelangsungan hidup manusia.

6. Oleh yang demikian, Malaysia komited untuk melaksanakan segala keputusan dan ketetapan yang telah dipersetujui dalam pemeliharaan biodiversiti dan hutan di bawah pelbagai konvensyen dan persidangan di peringkat serantau dan antarabangsa. Semasa Sidang Kemuncak Bumi di Rio de Janeiro pada tahun 1992, Malaysia telah menyatakan komitmennya untuk mengekalkan sekurang-kurangnya 50% daripada keluasan tanah negara supaya dilitupi pokok-pokok dan kawasan berhutan.

Yang Berbahagia Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian.

7. Peralihan negara untuk menjadi sebuah negara maju dan berpendapatan tinggi telah mendatangkan pelbagai tekanan ke atas biodiversiti dan hutan seperti perubahan guna tanah, fragmentasi hutan dan kehilangan habitat sehingga mengakibatkan banyak spesies diancam kepupusan. Hampir separuh daripada biodiversiti negara menghadapi ancaman kepupusan termasuk hidupan liar ikonik seperti Badak Sumatera dan Harimau Malaya.

8. Pembangunan yang mengganggu-gugat habitat mereka menyebabkan timbulnya konflik antara manusia dan hidupan liar yang adakalanya kita dapat melihat daripada laporan-laporan akhbar berkenaan haiwan-haiwan ini berkeliaran di penempatan manusia. Situasi ini boleh memberikan ancaman kepada manusia dan hidupan liar tersebut sendiri dimana dalam setengah kejadian, dapat kita lihat yang haiwan-haiwan ini mati di langgar di lebuhraya. Perkara seperti ini adalah amat menyedihkan.

9. Dalam hal ini, pelbagai inisiatif yang telah diambil oleh Kerajaan untuk memelihara dan memulihara kawasan berhutan negara di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) dan Rancangan-Rancangan Malaysia sebelum ini antara lainnya seperti projek *Central Forest Spine* (CFS), Inisiatif *Heart of Borneo* (HoB), Program Restorasi, Tebus Guna dan Pemulihan Hutan Terosot di Semenanjung Malaysia serta Program Penanaman Pokok Bakau dan Spesies-spesies yang Bersesuaian di Pesisiran Pantai Negara.

10. Projek-projek ini adalah amat penting bukan sahaja daripada segi pemeliharaan kawasan berhutan, malah ianya penting untuk memelihara kepelbagaian biologi negara terutamanya hidupan liar negara yang ikonik antara lainnya melalui penubuhan koridor-koridor hidupan liar. Projek CFS misalnya adalah projek yang bertujuan untuk menyambung semula kompleks-kompleks hutan yang telah terputus akibat aktiviti pembangunan tanah melalui penubuhan koridor ekologi hidupan liar. Sebanyak 37 koridor ekologi telah dikenal pasti untuk ditubuhkan bagi membolehkan pergerakan hidupan liar terutama mamalia besar antara kompleks-kompleks hutan ini.

Yang Berbahagia Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian.

11. Dasar utama negara dalam penjagaan biodiversiti adalah Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan 2016-2025 (DKBK) menyediakan hala tuju dan rangka kerja pemuliharaan biodiversiti dan penggunaannya secara lestari dalam menghadapi cabaran yang semakin kompleks. Ia juga merupakan sebahagian daripada komitmen Malaysia untuk melaksanakan *Strategic Plan for Biodiversity 2011-2020* di bawah Konvensyen Kepelbagaian Biologi (*Convention on Biological Diversity - CBD*) dan *Sustainable Development Goals (SDG)*. DKBK telah dilancarkan dengan rasminya pada 22 Februari 2016.

12. DKBK mensasarkan perubahan persepsi masyarakat yang kebanyakannya beranggapan bahawa konservasi biodiversiti adalah tanggungjawab Kerajaan Persekutuan sahaja. Selain daripada peranan oleh Kerajaan Negeri, DKBK juga menekankan peranan penting pihak berkepentingan yang lain termasuk masyarakat pribumi dan komuniti tempatan, badan bukan kerajaan (NGO) dan badan korporat.

13. Salah satu daripada tindakan yang telah dikenal pasti di bawah DKBK adalah untuk penglibatan di kalangan kanak-kanak dan belia bagi memastikan generasi muda masa kini mempunyai kesedaran yang tinggi berkaitan kepentingan biodiversiti. Generasi muda dilihat sebagai generasi yang boleh meneraju usaha-usaha pemeliharaan dan pemuliharaan biodiversiti dan hutan dimasa akan datang.

Yang Berbahagia Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian.

14. Saya difahamkan bahawa pada hari ini kita akan menanam lebih kurang 50 anak pokok daripada jenis pokok hutan. Adalah diharapkan para pelajar akan menjaga pokok-pokok tersebut sehingga ia besar kelak. Adalah diharapkan juga, melalui aktiviti ini, para pelajar dapat lebih mengenali keunikan dan keistimewaan pokok-pokok hutan kita.

15. Saya difahamkan juga pada hari ini terdapat pelbagai agensi yang terlibat dengan pameran. Saya menggalakkan para pelajar untuk mengunjungi *booth-booth* pameran tersebut dan mendapat sebanyak mungkin maklumat daripada pegawai-pegawai yang bertugas. Terdapat pelbagai aktiviti yang telah disediakan.

16. Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua yang terlibat dan bertungkus lumus dalam menjayakan Kempen Kesedaran Biodiversiti khususnya kepada Pengurusan UiTM Raub dan pelajar-pelajar yang terlibat, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPMS), Jabatan Perhutanan Negeri Pahang, Jabatan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara Semenanjung Malaysia (PERHILITAN), Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dan badan-badan bukan kerajaan yang terlibat. Saya juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua ahli jawatankuasa dan individu yang terlibat secara langsung dan tidak langsung bagi menjayakan Kempen pada hari ini.

17. Dengan kata-kata tersebut, saya dengan sukacitanya merasmikan Program Kempen Kesedaran Biodiversiti Anjuran Bersama Kementerian Air, Tanah Dan Sumber Asli dan UiTM Kampus Raub ini.

Sekian, terima kasih.

**YBM. TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI
TIMBALAN MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI**

16 NOVEMBER 2019